

19 FEB 1998

ZON DAGANGAN BEBAS DALAM RUANG SIBER

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 19 Feb (Bernama) -- Konsep membeli dan menjual dalam Internet bukan lagi perkara yang berlaku di masa hadapan. Ekonomi digital ini kini sedang berkembang dan dijangka meledak dalam alaf akan datang.

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menganggarkan bahawa pendapatan sejagat daripada perdagangan Internet boleh mencapai AS\$200 bilion (AS\$1 = kira-kira RM3.7) setahun menjelang akhir abad ini dan akan tumbuh dengan pesat selepas itu.

Kerajaan Amerika Syarikat menganggarkan bahawa walaupun perdagangan elektronik merupakan hanya kira-kira AS\$2 bilion belian syarikat melalui Internet hari ini, namun menjelang tahun 2002, di AS sahaja, ia akan menyumbang hampir AS\$300 bilion perniagaan. Menjelang tahun 2005, seramai satu bilion orang dijangka menggunakan Internet.

Buktinya sudah nyata. Pelayar Internet di Kuala Lumpur mengeneipkan wakil tempahan tiket untuk mendapatkan tiket penerbangan harga murah melalui Internet supaya mereka dapat terbang ke London pada hari yang sama; pelabur-pelabur boleh mendapat maklumat serentak pasaran saham dunia dan melabur melalui Internet ketika mereka masih memakai baju tidur dan minum kopi di rumah; manakala pengeluar video lucu memenuhi e-mel pengguna dengan adegan-adegan ghairah siber mereka.

Perdagangan elektronik memang tidak dapat dibendung lagi. Ia berkembang ke seluruh di dunia setiap minit.

Amerika Syarikat menjangkakan keuntungan daripada perniagaan sejagat yang masih belum dimanfaatkan ini. Ia secara rasmi telah mencadangkan bahawa ahli-ahli WTO menjadikan dagangan barangan dan perkhidmatan bebas cukai melalui Internet. Cadangan itu disenaraikan sebagai agenda mesyuarat Majlis Am WTO, pertama kali ia dibahaskan sejak ide tersebut dikemukakan oleh Presiden Bill Clinton Julai lalu.

Bagi Malaysia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa negara ini perlu berhati-hati dalam meneliti kesan menjadikan dagangan barangan dan perkhidmatan melalui Internet bebas cukai.

Beliau berkata Malaysia perlu berhati-hati dalam membuat keputusan mengenai isu tersebut kerana kerajaan juga mesti menjaga kepentingan negara.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita pada akhir mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Kedua Koridor Raya Multimedia pada 12 Feb lalu. -- BERNAMA

SH KY OS